

**S**ERAMAI 20 mahasiswa dari Universiti Malaysia Sabah kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) menyertai program lawatan sambil belajar ke Universiti Utara Malaysia (UUM) di Sintok, Kedah pada 9 hingga 13 Disember lalu.

Program lawatan sambil belajar itu bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai sistem pendidikan dan pengurusan di UUM selain bertukar-tukar pendapat.

UUM juga dipilih menjadi lokasi lawatan kerana dilihat sebagai antara institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang patut dijadikan contoh dari segi kemajuan dan kelebihan keusahawanan sedia ada.

Program tiga hari dua malam itu diadakan dengan pelbagai aktiviti yang bertujuan memberi pendedahan lebih mendalam kepada peserta UMS-KAL seperti ceramah keusahawanan oleh Cooperative and Entrepreneur-

# UUM terima kunjungan pelajar UMS-KAL

BH 29.12.2011 849

ship Development Institute (CEDI), lawatan ke Varsity Mall, Program Diskusi Ilmu dan sesi dialog bersama Dekan Pembangunan Pelajar UUM College of Business dan UUM College of Arts & Sciences.

Selain aktiviti akademik, peserta juga dibawa berkunjung ke wad kanak-kanak di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar bertujuan mendekatkan peserta dengan komuniti di samping dapat menceriakan kanak-kanak di wad itu.

Pelbagai aktiviti dilakukan bersama kanak-kanak di wad itu seperti pertandingan mewarna, dan belajar membuat origami.

Selain aktiviti kemasyarakatan dan ilmiah, turut

MAHASISWA UMS-KAL bergambar ketika menyertai program lawatan sambil belajar ke UUM, baru-baru ini.

dianjurkan sukan riadah bagi menyeimbangkan lagi program lawatan sambil belajar itu. Antara aktiviti yang dijalankan ialah aktiviti menunggang kuda dan memandu go kart.

Program sebegini wajar direalisasikan sekiranya mungkin sebagai langkah awal dalam memupuk dan meningkatkan keyakinan diri bagi memenuhi strategi pembentukan modal insan yang cemerlang.

Persediaan ini penting bagi setiap pelajar sebagai pemangkin dalam dunia pekerjaan dan menghadapi

pasaran tenaga kerja yang berdaya saing.  
Sama ada dari segi



aktiviti luar mahupun akademik program sebegini sewajarnya dijalankan

sebagai langkah awal dalam memupuk dan meningkatkan keyakinan diri bagi

memenuhi strategi pembentukan modal insan yang cemerlang.